



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/86 (HQ)

PENANAMAN BAKAU UNTUK EKOSISTEM YANG MAMPAH

- **TNB menanam 1,000 anak pokok bakau di Pulau Ketam, Kuala Perlis.**
- **Kerjasama antara Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Perlis dan MNS**

Dalam usaha untuk memastikan kelestarian ekosistem, sebanyak 1,000 anak pokok bakau telah ditanam pada program Penanaman Pokok Bakau di Pulau Ketam hari ini.

Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin berkata, program yang menyaksikan kerjasama antara Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Perlis dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) itu membuktikan komitmen TNB terhadap usaha memelihara alam sekitar sebagai warisan generasi masa hadapan.

Dalam ucapannya, Ir. Husaini berkata program penanaman anak pokok bakau ini bukanlah inisiatif pertama TNB, berikutan penanaman lebih 9,000 anak pokok bakau di Manjung, Perak, sebelum ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa syarikat utiliti nasional itu bercadang untuk "menanam lebih 10,000 anak pokok bakau di sepanjang pesisir pantai Semenanjung Malaysia."

Turut hadir pada majlis, Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man dan Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, Ag. Shaffie Ag. Agmadni.

Dato' Seri Azlan Man berkata, "Pokok bakau amat penting di persisiran pantai. Saya berharap dengan kombinasi TNB, Jabatan Perhutanan, badan bukan kerajaan, penduduk tempatan, tempat ini juga akan menjadi daya tarikan pelancongan."

Program untuk menanam semula pokok bakau dilakukan TNB selepas menyedari peranan penting pokok bakau dalam memperkuuhkan dan memperkayakan sumber nutrien tanah yang penting untuk ekosistem.

Ir. Husaini berkata TNB bercadang untuk meneruskan penanaman anak pokok bakau di sepanjang pesisir pantai Semenanjung Malaysia.

Selain penanaman anak pokok bakau, TNB turut menanam lebih 12,000 anak pokok rimbun dalam melalui program Tree for Tree di seluruh Semenanjung Malaysia.

Program penanaman pokok termasuk di bawah tiga tiang utama Tanggungjawab Korporat TNB, iaitu alam sekitar, pendidikan dan ekonomi, kata Ir. Husaini.

Program ini disertai 300 sukarelawan yang terdiri daripada penduduk Kampung Pulau Ketam, Kampung Seberang Alor dan Kampung Seberang Jaya; pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta warga TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Disember 2019, jam 1.30 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*



PHOTO 1 :

Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man (dua kiri) dan Ketua Pegawai Grid Datuk Ir. Husaini Bin Husin (dua kanan) menanam anak pokok bakau pada Program Penanaman Pokok Bakau di Persisiran Pantai Negara di Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis hari ini. Turut sama ialah (paling kiri) Exco Sumber Asli & Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau dan Kesihatan, YB Teh Chai Aadan (paling kanan) Ketua Polis Perlis Datuk Surina Saad.



PHOTO 2

CAPTION : Program Penanaman Pokok Bakau di Persisiran Pantai Negara disertai 300 sukarelawan yang terdiri daripada penduduk Kampung Pulau Ketam, Kampung Seberang Alor dan Kampung Seberang Jaya; pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta warga TNB.



PHOTO 3

CAPTION : Sebahagian kanak-kanak dari Kampung Pulau Ketam, Kampung Seberang Alor dan Kampung Seberang Jaya bersama-sama menyertai aktiviti menanam anak pokok bakau kerjasama antara TNB, Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Perlis dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia.